




**PELAJARAN ASAS FARDU AIN (PAFA)
KELAB RAKYAT MALAYSIA JUBAIL**

**PEPERIKSAAN AKHIR
SUBJEK SIRAH
KATEGORI B (7 - 8 TAHUN)
2021/2022**

ARAHAN KEPADA MURID DAN IBU BAPA:

1. KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 50 SOALAN
2. SILA JAWAB SEMUA SOALAN
3. MURID DILARANG MERUJUK BUKU ATAU NOTA KETIKA MENJAWAB SOALAN
4. MURID HENDAKLAH JUJUR DAN AMANAH KETIKA MENJAWAB SOALAN PEPERIKSAAN INI
5. IBUBAPA DILARANG MEMBERI JAWAPAN KEPADA MURID
6. IBUBAPA HANYA DIBENARKAN MEMBACA SOALAN SAHAJA KEPADA MURID

NAMA : _____ KELAS : DMB



BAHAGIAN A – Soalan 1 hingga 10 (20 markah)

PILIH jawapan yang BETUL.

1. Apakah maksud sirah dari segi bahasa ?

- A. Bukit B. Jalan C. Parit

2. Sirah berasal daripada perkataan _____

- A. Arab B. Inggeris C. Melayu

3. Nabi محمد SAW ialah nabi yang _____.

- A. pertama B. kesepuluh C. terakhir

4. Aminah ialah ibu kepada _____.

- A. Nabi Adam AS B. Nabi محمد SAW C. Nabi Isa AS

5. Abdul Mutalib mempunyai _____ anak lelaki.

- A. dua (2) B. enam (6) C. sepuluh (10)

6. Abrahah dan tenteranya ke Mekah dengan menunggang
_____.

- A. unta B. keldai C. gajah

7. ﷺ mengutuskan _____ untuk memusnahkan
Abrahah dan tenteranya.
- A. ikan paus B. burung Ababil C. serigala
8. Nabi ﷺ SAW dilahirkan pada hari _____ .
- A. Ahad B. Isnin C. Khamis
9. Nabi ﷺ SAW dilahirkan pada _____ .
- A. 1 Syawal B. 17 Ramadhan C. 12 Rabiul Awal
10. Abu Talib membawa Nabi ﷺ SAW berniaga ke Syams ketika
baginda berusia _____.
- A. 6 tahun B. 8 tahun C. 12 tahun

(10 markah)

BAHAGIAN B – Soalan 11 hingga 20 (20 markah)

Isikan tempat kosong dengan jawapan yang BETUL.

Zam zam	Tsuwaibah	tetamu	Bani Hashim	Al Quran
---------	-----------	--------	-------------	----------

11. Salah satu sumber rujukan sirah ialah _____.
12. Nabi محمد SAW berketurunan _____.
13. Sifat baik bangsa Arab suka memuliakan _____.
14. Ibu susuan pertama Nabi محمد SAW bernama _____.
15. Datuk Nabi محمد SAW Abdul Mitalib telah menggali semula telaga _____.

yatim	terpuji	Mekah	Bani Saad	Abraha
-------	---------	-------	-----------	--------

16. Abdul Mitalib adalah pemimpin penduduk _____.
17. Raja yang cuba untuk memusnahkan kaabah ialah _____.
18. Nabi محمد SAW lahir sebagai anak _____ kerana bapanya telah meninggal dunia.
19. محمد bermaksud yang _____.
20. Halimatus Saadiah datang dari perkampungan _____.

(10 markah)

BAHAGIAN C – Soalan 21 hingga 30 (20 markah)

Suaikan jawapan yang BETUL.

21. Sumber sirah ialah	•	•	Abdul Mutalib
22. Abdullah bin	•	•	Wahab
23. Aminah binti	•	•	Al Hadis
24. Abdul Mutalib bin	•	•	Abu Talib
25. Bapa saudara ialah	•	•	Hashim
26. Nabi berniaga bersama bapa saudaranya ke	•	•	Abwa
27. Abdullah telah dikebumikan di	•	•	Syams
28. Aminah meninggal di	•	•	Thaif
29. Abrahah datang dari negeri	•	•	Yaman
30. Halimatus Saadiah berasal dari	•	•	Yathrib

(10 markah)

BAHAGIAN D – Soalan 31 hingga 40 (20 markah)

Pilih BETUL atau SALAH pada kenyataan-kenyataan berikut.

31. Sirah ialah panduan buat umat Islam.
32. Sirah Nabi محمد SAW tidak perlu kita ikuti.
33. Masyarakat Arab Badawi tinggal di bandar.
34. Peristiwa tentera bergajah diceritakan dalam Surah Al Fil.
35. Tentera bergajah mati bergelimpangan seperti daun dimakan ulat.
36. Nabi محمد SAW dilahirkan di Madinah.
37. Ibu susuan pertama Nabi محمد SAW ialah Tsuwaibah.
38. Tradisi masyarakat Arab menghantar anak menyusu di desa.
39. Ketika pulang ke Thaif, keledai Halimatus Saadiah menjadi lemah.
40. Tanaman dan kebun di perkampungan Bani Saad menjadi subur.

(10 markah)

BAHAGIAN E – Soalan 41 hingga 50 (20 markah)

Pilih jawapan yang BETUL.

41. Nabi محمد SAW berasal dari keturunan yang [keji / mulia].
42. Bani Hashim pemimpin penduduk [Mekah / Madinah].
43. Pada musim panas penduduk Mekah berniaga ke
[Syams / Yaman].
44. Burung Ababil membawa [batu / pasir] yang panas.
45. Setelah dilahirkan Abdul Mitalib membawa Nabi محمد SAW ke
[kaabah / kedai].
46. [Abdullah / Abdul Mitalib] telah memberi nama "محمد".
47. Nabi محمد SAW membawa rahmat keseluruh [negeri / alam].
48. Halimatus Saadiah adalah seorang wanita [badawi / quraisy].
49. Ramai tidak mahu mengambil Nabi محمد SAW kerana baginda
anak [angkat / yatim].
50. Unta Halimatus Saadiah peliharaan mengeluarkan
[peluh / susu] yang banyak.

(10 markah)

KERTAS SOALAN TAMAT

Disediakan oleh,



(Hjh. Sh Faridah Hanim bt Tg Embong)

Mua'alimah PAFA DMB

Sessi 2021/2022

Disemak oleh,



(Hjh. Syhrol Hanim bt Mohamed Farook)

Guru Akasdemik PAFA

Sesi 2021/2022